



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN
KESIHATAN DILANTIK MELEBIHI SATU TEMPAT KERJA**

2024

Dikemaskini pada 22 Januari 2025

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	3
2.0 PUNCA KUASA	3
3.0 TAFSIRAN	3
4.0 SKOP	3
5.0 SYARAT- SYARAT PERMOHONAN	3
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	5
7.0 DOKUMEN	5
8.0 PEMAKLUMAN	6
9.0 FI	6
10.0 PIAGAM PELANGGAN	6

1.0 PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan untuk rujukan majikan semasa membuat permohonan kebenaran Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dilantik melebihi satu tempat kerja supaya memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas.

2.0 PUNCA KUASA

Seksyen 29(4), Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, seseorang hendaklah dilantik sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan hanya untuk satu tempat kerja pada satu-satu masa, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.

3.0 TAFSIRAN

Pegawai Keselamatan dan Kesihatan adalah orang yang kompeten yang dinyatakan di dalam seksyen 29 Akta 514.

4.0 SKOP

Skop panduan ini adalah terpakai kepada majikan yang ingin melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan melebihi satu tempat kerja.

5.0 SYARAT- SYARAT PERMOHONAN

5.1 Syarat Am

- a. Seseorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan tersebut mestilah telah didaftarkan sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan di dalam sistem MyKKP sekurang-kurangnya selama tempoh enam (6) tahun (dua kali pembaharuan) yang terkini dan adalah aktif sepanjang tempoh tersebut; dan
- b. Permohonan ini hanya dibolehkan bagi majikan yang sama seperti di dalam kontrak perkhidmatan dengan syarat tempat kerja itu mengikut kelas atau jenis tempat kerja yang dinyatakan di dalam Perintah Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dengan syarat jarak di antara tempat-tempat kerja tersebut ialah di dalam lingkungan seratus kilometer (100 km) atau dua (2) jam tempoh perjalanan; dan
- c. Permohonan hanya dibenarkan maksimum bagi tiga (3) tempat kerja sahaja; dan
- d. Mempunyai akreditasi sistem pengurusan KKP (ISO 45001); dan
- e. Mendapat rekod gred pencapaian penilaian KKP oleh JKKP bagi tempat kerja semasa sekurang-kurangnya Gred B; dan

- f. Tempat kerja tidak mempunyai rekod kemalangan maut dalam tempoh 3 tahun terkini; dan
- g. Tempat kerja tidak mempunyai rekod sabitan mahkamah di bawah AKKP dalam tempoh 5 tahun terkini; dan
- h. Mempunyai Jabatan/ Bahagian/ Seksyen Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan yang akan menguruskan perkara berkaitan KKP di tempat kerja tersebut. Jabatan/ Bahagian/ Seksyen tersebut mestilah terdiri daripada pengamal KKP yang akan membantu Pegawai Keselamatan dan Kesihatan tersebut.

5.2 Syarat Am Khusus

Kelas atau jenis industri yang dikehendaki mengambil kerja pegawai keselamatan dan kesihatan.	Huraian dan syarat
(a) mana-mana pengendalian bangunan yang jumlah harga kontrak projek melebihi dua puluh juta ringgit (b) mana-mana kerja pembinaan kejuruteraan yang jumlah harga kontrak projek melebihi dua puluh juta ringgit.	Kemajuan projek di tapak pembinaan pertama telah mencapai 90% siap dan di tapak pembinaan kedua kerja dengan kemajuan projek tidak melebihi 10% daripada keseluruhan projek
(c) mana-mana aktiviti memproses gas atau industri petrokimia yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja; (d) mana-mana industri kimia dan yang bersekutu yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja;	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dalam kelas atau jenis industri ini boleh dipertimbangkan untuk dilantik melebihi satu (1) tempat kerja dengan syarat tempat kerja kedua (dalam kelas atau jenis industri yang diwajibkan) yang tidak tertakluk sebagai pemasangan bahaya bukan besar dan pemasangan bahaya besar di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996.
(e) mana-mana pembinaan kapal yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja pada puncak kerja; (f) mana-mana aktiviti membuat dandang dan vessel tekanan yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja; (g) mana-mana industri logam yang terdapat kerja mengetin, mengecap, menebuk, memotong, atau melentur dan yang	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dalam kelas atau jenis industri ini boleh dipertimbangkan untuk dilantik melebihi satu (1) tempat kerja.

mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja; (h) mana-mana industri kerja kayu di mana terdapat kerja pemotongan, menggergaji, mengetam, membentuk, melicinkan, mengupas atau mana-mana gabungan yang di atas, dan yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja; (i) mana-mana aktiviti pembuatan simen yang mengambil kerja lebih daripada seratus orang pekerja; (j) mana-mana aktiviti pembuatan lain selain daripada aktiviti pembuatan yang dinyatakan dalam subperenggan (f) hingga (i) yang mengambil kerja lebih daripada lima ratus orang pekerja.	
---	--

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

Pemohon hendaklah menghantar dokumen lengkap (*hardcopy*) ke JKKP Ibu Pejabat. Surat kelulusan Ketua Pengarah akan dikeluarkan jika syarat-syarat permohonan telah dipenuhi.

7.0 DOKUMEN

a. Dokumen wajib:

- i. Surat rasmi permohonan
- ii. Surat kelulusan pembaharuan Pegawai Keselamatan & Kesihatan bagi tempoh enam (6) tahun (2 kali pembaharuan) yang terkini
- iii. Surat pengesahan majikan sebagai Pegawai Keselamatan & Kesihatan
- iv. Maklumat tempat kerja yang dimohon:
 - Alamat
 - *Letter of Award* (LOA)
 - Maklumat lokasi tempat kerja (menunjukkan jarak perjalanan dengan tempat kerja sedia ada)
- v. Laporan bulanan KKP (mengandungi maklumat bilangan pekerja, sektor industri dan statistik kemalangan di tempat kerja)
- vi. Laporan kemajuan projek (kelas atau jenis industri a & b)
- vii. Senarai semak OSHWA dan akreditasi sistem pengurusan KKP (ISO 45001) atau mana-mana anugerah KKP daripada JKKP
- viii. Carta organisasi yang mengandungi Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

b. Dokumen lain (dokumen sokongan) sekiranya ada.

8.0 PEMAKLUMAN

- a. Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas pemohon jika didapati :
 - i. Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan bekerja melebihi satu tempat kerja; atau
 - ii. Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
 - iii. Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKPP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa ; atau
 - iv. Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.
- b. Jika perlu, Jabatan akan mengadakan lawatan ke atas tempat kerja yang dimohon atau pemohon akan dipanggil ke sesi taklimat pembentangan.
- c. Kelulusan kebenaran Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dilantik melebihi satu tempat kerja akan diberikan bagi tempoh 3 tahun sahaja.

9.0 FI

Fi pemprosesan dan kelulusan belum dikenakan. Sekiranya terdapat keperluan fi pemprosesan dan kelulusan, Jabatan akan maklumkan kemudian kepada semua pemegang taruh.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

Piagam pelanggan bagi permohonan melebihi satu tempat kerja adalah tiga puluh (30) hari bekerja.

Unit Peperiksaan & Persijilan,
Bahagian Keselamatan Industri, JKPP
Ibu Pejabat.